

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

1. Projek naik taraf Astaka Taman Tun Sardon.
 - (a) Apakah langkah-langkah dan bantuan yang bakal diambil dan diberi oleh MBPP dalam penempatan semula penjaja sedia ada ketika pembinaan semula astaka dijalankan?
 - (b) Apakah tempoh projek pembinaan dan apakah perbezaan / impak selepas kerja pembinaan semula dilakukan berbanding astaka sedia ada?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa prihatin terhadap kebajikan penjaja-penjaja di Negeri Pulau Pinang. Justeru, langkah-langkah dan bantuan yang diambil dan diberikan oleh pihak MBPP dalam penempatan semula penjaja-penjaja sedia ada ketika kerja-kerja naik taraf Astaka Taman Tun Sardon sedang dilaksanakan adalah dengan menyediakan tapak penjaja sementara kepada penjaja-penjaja yang terlibat di tempat letak kereta berhadapan Masjid At-Taqwa yang berdekatan Astaka Taman Tun Sardon. Setiap lot-lot gerai ini akan ditandakan dengan garisan lot gerai untuk memudahkan penjaja. Selain itu, tapak penjaja sementara akan dipagar bagi tujuan keselamatan dan juga turut dilengkapi dengan kemudahan asas utama iaitu bekalan air dan elektrik bagi keperluan operasi perniagaan yang dijalankan.

- (b) Tempoh pelaksanaan projek naik taraf Astaka Taman Tun Sardon adalah selama 15 bulan. Kerja-kerja di tapak dijangkakan akan bermula pada bulan Ogos 2024 dan siap sepenuhnya pada bulan November 2025.

Astaka Taman Tun Sardon yang dikenali sebagai lokasi hab pelancongan makanan akan dinaik taraf bagi memberi imej baharu dan keselesaan kepada penjaja dan juga pengunjung. Bangunan astaka baharu ini direka bentuk dengan ciri-ciri kemudahan reka bentuk sejagat bagi memenuhi keperluan orang kurang upaya (OKU), warga emas dan kanak-kanak. Selain itu, reka bentuk bangunan astaka ini juga menerapkan ciri-ciri kehijauan serta mencapai *Green Building Index* bertaraf *certified*. Bangunan astaka ini juga turut dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan awam seperti surau lelaki dan perempuan, tandas awam bertaraf 'BMW' iaitu Bersih, Menawan dan Wangi, bilik penyusuan dan persalinan. Dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan ini, ia dapat memberi pengalaman baharu kepada pengunjung dan bakal merancakkan lagi ekonomi setempat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

2. Kes keganasan seksual terhadap kanak-kanak di Pulau Pinang.
- (a) Berapakah jumlah kes keganasan seksual terhadap kanak-kanak yang dilaporkan pada tahun 2019 sehingga 2024 mengikut pecahan daerah?
 - (b) Apakah hubungan antara pelaku dan mangsa?
 - (c) Apakah pecahan mengikut jantina, umur, bangsa pelaku dan mangsa sejak tahun 2019 sehingga setakat ini?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Berdasar data daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- (a) Jumlah kes keganasan seksual terhadap kanak-kanak yang dilaporkan pada tahun 2019 sehingga April 2024 mengikut pecahan daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (b) Data berkaitan hubungan pelaku dan mangsa seperti yang dinyatakan di **LAMPIRAN B**.
 - (c) Pecahan mengikut jantina, umur, bangsa pelaku dan mangsa sejak 2019 sehingga April 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

LAMPIRAN A

Pecahan daerah bagi kes keganasan seksual terhadap kanak-kanak pada tahun 2019 hingga 2024 (Januari – April)

TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023	2024	JUMLAH
TIMUR LAUT	15	19	20	29	38	8	129
BARAT DAYA	11	13	12	13	6	5	60
SBG PERAI UTARA	8	16	18	13	19	8	82
SBG PERAI TENGAH	14	23	16	23	21	2	99
SBG PERAI SELATAN	7	11	2	12	16	9	57
JUMLAH	55	82	68	90	100	32	427

*Data diperoleh daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Pecahan mengikut hubungan antara pelaku dan mangsa

HUBUNGAN	2019	2020	2021	2022	2023	2024	JUMLAH
AHLI KELUARGA	3	11	26	9	23	4	76
TEMAN LELAKI	27	57	30	25	35	8	182
KENALAN	25	14	10	47	40	17	153
TIDAK DIKENALI	0	0	2	9	2	3	16
JUMLAH	55	82	68	90	100	32	427

*Data diperoleh daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM)

LAMPIRAN C

Pecahan mengikut **umur** mangsa dan pelaku dari 2019 hingga April 2022

TAHUN/ UMUR	MANGSA						PELAKU					
	0-7	8-12	13-15	16-17	18†	JUMLAH	0-7	8-12	13-15	16-17	18 †	JUMLAH
2019	7	30	10	8	0	55	0	1	3	3	48	55
2020	15	28	30	9	-	82	0	4	7	7	64	82
2021	7	23	22	13	3	68	0	1	3	4	60	68
2022	17	31	22	20	-	90	-	11	22	25	29	87
2023	10	23	28	39	-	100	-	9	31	25	35	100
2024	2	11	11	8	-	32	-	3	8	10	11	32

Pecahan mengikut **bangsa** mangsa dan pelaku dari 2019 hingga April 2022

TAHUN/ BANGSA	MANGSA						PELAKU					
	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2019	2020	2021	2022	2023	2024
MELAYU/BUMI	41	59	48	35	47	8	38	52	38	26	47	7
CINA	5	10	11	24	15	7	5	10	6	25	19	8
INDIA	7	10	6	28	26	13	7	12	9	28	24	14
WARGA ASING/LAINLAIN	2	3	3	3	12	4	5	8	15	8	10	3
JUMLAH	55	82	68	90	100	32	55	82	68	87	100	32

Pecahan mengikut **jantina** mangsa dan pelaku dari 2019 hingga April 2022

JANTINA	MANGSA						PELAKU					
	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2019	2020	2021	2022	2023	2024
LELAKI	25	32	48	45	54	18	35	59	58	66	69	24
PEREMPUAN	30	50	20	45	46	14	20	23	10	21	31	8
JUMLAH	55	82	68	90	100	32	55	82	68	87	100	32

*Data diperoleh daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM)

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

3. Kenderaan buruk.

- (a) Apakah langkah yang akan diambil untuk menangani masalah kenderaan buruk dan terbiar yang serius di Taman Tun Sardon?
- (b) Adakah pihak KADUN boleh membantu untuk menunda kenderaan terbiar yang tidak dialihkan oleh penduduk ke luar kawasan perumahan supaya MBPP boleh mengambil tindakan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sentiasa berusaha untuk menangani masalah kenderaan buruk dan terbiar, bukan sahaja di kawasan Taman Tun Sardon malah di seluruh kawasan pentadbiran MBPP. Usaha yang telah dilakukan adalah dengan mempercepat urusan pengalihan kenderaan-kenderaan buruk dan terbiar melalui langkah-langkah seperti berikut:-
- (i) Penambahan stor / depoh simpanan kenderaan usang;
 - (ii) Mempercepatkan urusan pelupusan kenderaan buruk di dalam stor / depoh;
 - (iii) Memberikan pendidikan awam kepada pemilik kenderaan agar melucutkan pendaftaran pemilikan kenderaan menggunakan sistem e-Dereg iaitu satu

inisiatif terbaharu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi memudahkan pemilik kenderaan motor lusuh dan terbiar membatalkan pendaftaran secara dalam talian (online); dan

- (iv) Menggalakkan pemilik melupuskan kenderaan usang dengan sendiri di pusat kenderaan lusuh.
- (b) Bagi kenderaan terbiar yang diletakkan di dalam tempat letak kereta kawasan perumahan berstrata, kenderaan tersebut tidak boleh dialihkan oleh pihak KADUN selain pemilik.

Walau bagaimanapun, pihak *Joint Management Body* (JMB) / *Management Corporation* (MC) mempunyai punca kuasa untuk mengalih keluar kenderaan terbiar dari kawasan strata tersebut sepertimana yang diperuntukkan di bawah Subseksyen 21(1) dan / atau Subseksyen 59(2), Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757], di mana pihak pengurusan JMB / MC boleh menguatkuasakan dan membuat undang-undang kecil (*House Rule*) atau undang-undang kecil tambahan bagi mengawal selia bangunan, pengurusan, pentadbiran, penggunaan dan penikmatan bangunan atau harta bersama.

Sekiranya mana-mana pihak yang mengalihkan kenderaan pemilik tanpa punca kuasa yang sah, dikhuatiri pihak tersebut akan berdepan dengan risiko dan implikasi perundangan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

4. Masalah gangguan bekalan elektrik di Seri Delima.
- (a) Berapa jumlah unit *genset* di Pulau Pinang dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini?
 - (b) Jelaskan pembinaan struktur *Transmission Towers* di Jambatan Pulau Pinang dan impaknya terhadap bekalan elektrik di Pulau Pinang.
 - (c) Apakah perkembangan terkini dan tarikh operasi?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. (a) Jumlah set penjana (*generator set*) milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Pulau Pinang adalah sebanyak tujuh (7) unit. Sebanyak tujuh belas (17) unit set penjana telah digunakan sebagai langkah mitigasi masalah gangguan bekalan elektrik di KADUN Seri Delima. TNB Pulau Pinang telah mendapatkan set penjana dari Kedah, Perak dan Lembah Klang bagi melaksanakan langkah mitigasi tersebut.

Bagi menyelesaikan isu gangguan tersebut, TNB telah melaksanakan pengujian di keseluruhan segmen yang terlibat dengan gangguan tersebut dan menjalankan kerja-kerja pembaikan untuk kerosakan yang telah dikenal pasti.

- (b) Projek Pengukuhan Bekalan Elektrik melalui penghantaran talian atas *monopole* 275 kilovolt (kV) sepanjang 8.5 kilometer (km) yang bakal menghubungkan Pencawang Masuk Utama (PMU) Stesen Janakuasa (SJ) Perai ke PMU The Light ini akan memberikan bekalan tambahan sebanyak 2000 megawatt (MW) ke bahagian Pulau negeri Pulau Pinang. Ia dijangka dapat mengekalkan kestabilan bekalan elektrik di kawasan Pulau sekali gus menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi dalam pelbagai bidang termasuk perindustrian, pembangunan infrastruktur, pengangkutan dan pelancongan.
- (c) Projek Pengukuhan Bekalan Elektrik ini berjalan lancar dengan peratus kemajuan 71% setakat bulan Mei 2024. Ia dijangka siap dan beroperasi pada bulan November 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

5. Apakah projek infrastruktur yang dijadualkan oleh JKR dan JPS di KADUN Seri Delima untuk tahun 2024 termasuk penurapan jalan dan pelebaran parit? Berikan butiran jalan / sungai yang terlibat serta tempoh pelaksanaan projek.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Projek pembangunan infrastruktur yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) di KADUN Seri Delima untuk tahun 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Manakala, kerja-kerja yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) di KADUN ini untuk tahun 2024 tidak melibatkan projek pembangunan infrastruktur. JPSPP akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur di Sungai Gelugor melibatkan skop kerja pembersihan dan pemotongan rumput di rizab sungai, pembersihan kelodak (*desilting*), pemasangan pintu kepak (*flap gate*), dan pemasangan pagar pengadang sungai sahaja.

LAMPIRAN A

JADUAL 1: PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR YANG AKAN DILAKSANAKAN DI KADUN SERI DELIMA UNTUK TAHUN 2024

BIL.	NAMA PROJEK	KOS (RM)	TEMPOH PELAKSANAAN	STATUS
1	Menaik taraf laluan pejalan kaki dan longkang serta lain-lain kerja berkaitan di kawasan Island Glades dan sekitarnya	200,000.00	12 minggu	Peringkat Perlaksanaan
2	Kerja-kerja penyelenggaraan longkang serta lain-lain kerja berkaitan di Jalan Delima, Sungai Gelugor, Seri Delima dan sekitarnya	200,000.00	12 minggu	Peringkat Perolehan
3	Kerja-kerja penyelenggaraan garisan jalan serta lain-lain kerja berkaitan di kawasan Seri Delima dan sekitarnya	200,000.00	10 minggu	Peringkat Perolehan
4	Kerja-kerja penyelenggaraan jalan serta lain-lain kerja berkaitan di Lorong Delima 3, 4, 5 dan 7, Seri Delima dan sekitarnya	200,000.00	8 minggu	Peringkat Perolehan
5	Kerja-kerja pembaikan cerun akibat tanah runtuh serta lain-lain kerja berkaitan di Pintasan Pemancar 3, Taman Tun Sardon, Gelugor	1,000,000.00	12 bulan	Peringkat Perancangan
6	Kerja-kerja penyediaan dinding/tembok penahan di tanah kawasan milik CMI yang terletak di atas sebahagian Lot 482 (NO PT71) Jalan Kaki Bukit, Bukit Gelugor	180,000.00	16 minggu	Peringkat Perancangan

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

6. Pelancongan.

- (a) Senaraikan laluan-laluan udara antarabangsa paling popular ke Pulau Pinang.
- (b) Berikan perbandingan jumlah pelancong China yang datang ke Pulau Pinang sebelum dan selepas pengecualian visa dikenakan.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

- 6. (a) Senarai laluan antarabangsa mengikut populariti ke Pulau Pinang adalah dari Singapura, Medan, Jakarta, Don Meung, Dubai, Taipei, Guangzhou, Bangkok, Hong Kong, Surabaya, Xiamen, Doha, Banda Aceh, Phuket dan Ho Chi Minh City. Turutan ini mengikut kekerapan penerbangan.
- (b) Jumlah pelancong China yang datang ke Pulau Pinang melalui penerbangan antarabangsa ke Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang bagi tempoh empat bulan sebelum pengecualian visa diperkenalkan pada 1 Disember 2023 adalah 16,994 orang berbanding 25,468 orang bagi tempoh empat bulan selepas pelaksanaan pengecualian tersebut iaitu peningkatan sebanyak 49.86%. Walau bagaimanapun, angka tersebut tidak termasuk pelancong-pelancong China yang tiba melalui Lapangan Antarabangsa lain di Malaysia dan kemudian sampai ke Pulau Pinang melalui penerbangan domestik atau melalui darat.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

7. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempertimbangkan untuk mendirikan sebuah tugu peringatan (statue) untuk saudara Karpal Singh sebagai penghormatan terhadap sumbangan beliau dalam bidang politik dan undang-undang di Malaysia? Contohnya di Persiaran Karpal Singh atau Taman Kejiranan Karpal Singh di Seri Delima.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Kerajaan Negeri sememangnya tidak pernah melupakan perjuangan dan pengorbanan mendiang Dato' Seri Utama Karpal Singh dalam bidang politik dan undang-undang. Bagi menghargai jasa mendiang Dato' Seri Utama Karpal Singh, Kerajaan Negeri telah:
- (a) Menamakan semula sebatang jalan raya di Bandar Sri Pinang sebagai Persiaran Karpal Singh;
 - (b) Menamakan taman kejiranan yang terletak di Lorong Delima 11, Island Glades sebagai Taman Kejiranan Karpal Singh;
 - (c) Menubuhkan Pusat Pembelajaran Karpal Singh (*Karpal Singh Penang Learning Centre*) di atas tanah Kerajaan Negeri seluas 2.6 ekar yang terletak di Bukit Gelugor, dengan saiz bangunan seluas 6,500 kaki persegi. Pusat pembelajaran ini memfokuskan kepada STEM (Sains, Teknologi, *English* [Bahasa Inggeris] dan Matematik); dan
 - (d) Mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Negeri Pulau Pinang (DKBP) iaitu Darjah Utama Pangkuan Negeri

(DUPN) pada 17 Mac 2021 yang membawa gelaran Dato' Seri Utama.

Namun begitu, Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk mendirikan sebuah tugu peringatan buat mendiang Dato' Seri Utama Karpal Singh.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

8. Berikan maklumat yang terperinci mengenai projek *The Light Interchange* yang sedang dilakukan.
- (a) Apakah tempoh projek pelaksanaan dan bagaimana projek ini boleh membantu mengatasi masalah lalu lintas di tapak?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Terdapat dua (2) laluan pertukaran (*interchange*) yang akan dibina oleh Tetuan Jelutong Development Sdn. Bhd. bagi pembangunan The Light. Ianya melibatkan satu (1) pembinaan laluan pertukaran di hadapan tapak pembangunan di Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu untuk kenderaan dari arah selatan masuk ke kawasan The Light dan satu (1) lagi laluan pertukaran yang menghubungkan Jalan Tunku Kudin ke kawasan The Light untuk kenderaan dari arah utara.
- (a) Kerja-kerja pembinaan sedang dilaksanakan di tapak dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2025. Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang berkaitan sentiasa memantau pelaksanaan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) oleh pemaju dalam memastikan keadaan lalu lintas di tapak sentiasa berada dalam keadaan terkawal dan lancar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

9. Pengangkutan awam.

- (a) Perincikan status dan fasa-fasa pelaksanaan pembinaan projek Transit Rel Ringan (LRT) Laluan Mutiara di Pulau Pinang.
- (b) Apakah perancangan yang bakal dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan pemaju bagi memastikan gangguan lalu lintas tidak bertambah runcing ketika pembinaan LRT dilaksanakan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Kos Projek LRT Pulau Pinang Laluan Mutiara akan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah dilantik oleh Kerajaan Persekutuan sebagai pemaju dan pemilik aset Projek LRT Pulau Pinang pada April 2024.

MRT Corp telah memulakan proses perolehan untuk projek ini dan Pemeriksaan Awam untuk Segmen 2 iaitu dari Komtar ke Penang Sentral akan dilaksanakan pada suku keempat 2024. Pemeriksaan awam bagi jajaran dari Pulau Silikon ke Komtar tidak perlu dilaksanakan semula buat masa ini kerana ia adalah jajaran yang sama seperti yang telah ditentukan sebelum ini.

Setelah proses perolehan dimuktamadkan, kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada suku pertama tahun 2025.

Pembukaan keseluruhan laluan dijangka akan mula beroperasi pada suku kedua tahun 2030.

- (b) *Traffic Impact Assessment* (TIA) akan dikendalikan oleh jururunding trafik sebelum penutupan lalu lintas dilaksanakan.

Kaedah pengurusan trafik akan ditentukan berdasarkan TIA yang bakal dilaksanakan.

Sepanjang jangka masa pembinaan laluan ini, pasukan pengurusan trafik yang khusus dan terlatih akan ditugaskan sepanjang projek dan akan diselia oleh pegawai pengurusan trafik serta pengumuman. Penutupan jalan akan diumumkan dengan lebih awal yang akan diselaraskan dengan jadual kerja pembinaan dengan keadaan lalu lintas yang sedia ada terutama pada waktu puncak.

Selain itu, penyediaan laluan alternatif bagi pengguna jalan raya termasuk penunjuk arah yang jelas, dan pemasangan papan tanda amaran akan dirancang bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pelaksanaan sistem pengurusan trafik yang berkesan akan dirancang bagi kawalan lalu lintas untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

10. Pengangkutan awam.

- (a) Apakah status perancangan perkhidmatan teksi air di Pulau Pinang?
- (b) Apakah laluan-laluan teksi air yang akan dilancarkan dan berapakah kekerapan perkhidmatan yang dirancang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. (a) Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkenalkan perkhidmatan Teksi Air di bahagian Pulau, Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama agensi-agensi lain berkaitan telah menjalankan kajian awal dan telah mengenalpasti lokasi-lokasi jeti yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai tempat mengambil dan menurunkan penumpang di mana sebanyak empat (4) lokasi jeti telah dicadangkan untuk perkhidmatan Teksi Air ini.

Kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) perlu diperolehi bagi penyediaan perkhidmatan Teksi Air memandangkan penyediaan perkhidmatan pengangkutan air adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan seperti yang telah termaktub dalam Jadual 9, Akta Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan itu, surat kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi permohonan untuk melaksanakan perkhidmatan teksi air telah dihantar pada 14 September 2021 dan pembentangan kepada MOT

telah dibuat pada 25 April 2022 MOT melalui surat bertarikh 18 Oktober 2022 telah memberi kelulusan bersyarat kepada MBPP untuk melaksanakan projek *Water Taxi* ini.

Sehubungan itu, MBPP telah memanggil satu *Request For Proposal (RFP)* untuk melantik syarikat yang berminat bagi menyediakan perkhidmatan Teksi Air ini. Dokumen RFP telah diiklankan pada 12 Disember 2022 dan ditutup pada 27 Februari 2023. Sebanyak dua (2) syarikat telah mengemukakan cadangan melalui RFP ini dan beberapa siri pembentangan kepada Jawatankuasa Penilaian Teknikal RFP telahpun dibuat untuk melantik syarikat bagi melaksanakan projek Teksi Air ini.

MBPP telah mengeluarkan Surat Niat kepada syarikat yang berjaya bagi melaksanakan projek Teksi Air ini. Surat Tawaran akan dikeluarkan sekiranya syarikat tersebut bersetuju dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Surat Niat tersebut. Projek Teksi Air ini dijangkakan akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 2025.

- (b) Sebanyak empat (4) buah jeti telah dikenal pasti dan dicadangkan di dalam RFP untuk dijadikan lokasi hentian Teksi Air iaitu Jeti Strait Quay, Jeti Swettenham Pier, Jeti Pulau Jerejak dan Batu Maung *Transfer Station*. Sebanyak enam (6) laluan dirancang untuk disediakan bagi perkhidmatan Teksi Air ini dan operasi perkhidmatan Teksi Air akan bermula dari pukul 6.30 pagi sehingga 10.00 malam. Laluan-laluan dan kekerapan Teksi Air yang telah dirancang untuk disediakan adalah seperti berikut:

JENIS LALUAN	ARAH LALUAN	MASA KEKERAPAN
Laluan 1	Jeti Weld Quay – Jeti Strait Quay – Jeti Weld Quay	30 minit
Laluan 2	Jeti Weld Quay – Jeti Pulau Jerejak – Jeti Weld Quay	30 minit
Laluan 3	Jeti Weld Quay – Jeti Batu Maung – Jeti Weld Quay	15 minit
Laluan 4	Jeti Pulau Jerejak – Jeti Batu Maung – Jeti Pulau Jerejak	45 minit
Laluan 5	Jeti Strait Quay – Jeti Batu Maung – Jeti Strait Quay	45 minit
Laluan 6	Jeti Strait Quay – Jeti Pulau Jerejak – Jeti Strait Quay	45 minit

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

11. Nyatakan statistik jenis-jenis keganasan siber yang telah dilaporkan di Pulau Pinang.
- (a) Apakah pecahan mengikut jenis-jenis keganasan siber, jantina, umur dan bangsa?
 - (b) Apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah ini?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kesalahan jenayah siber yang dilaporkan ke Jabatan Siasatan Jenayah adalah melibatkan kes Pemerasan Video Aksi Lucah.
- (a) Bagi tahun 2024, statistik menunjukkan sebanyak 25 laporan polis telah dibuka siasatan berkaitan dengan kes pemerasan video aksi lucah, setakat 16hb Mei 2024. Mangsa dalam kes ini adalah daripada remaja lelaki dalam lingkungan umur 20 - 38 tahun. Bangsa yang terlibat adalah daripada Melayu, Cina dan India. Tiada perincian data mengikut bangsa yang diterima daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Modus operandi dalam kes pemerasan video aksi lucah adalah mangsa yang kesunyian dan mencari teman wanita dalam laman media sosial. Mangsa telah melakukan video aksi lucah dalam talian tanpa menyedari suspek telah merekodkan video perbuatan dan aksi lucah mangsa.

Seterusnya mangsa akan diugut untuk membayar sejumlah wang sekiranya tidak mahu video lucah mangsa disebar.

- (b) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam mencegah dan menghapuskan semua bentuk keganasan berasaskan *gender* demi menyediakan persekitaran yang selamat bagi rakyatnya, sejajar dengan visi Penang2030. Pada bulan November 2024, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) akan menganjurkan Kempen Penang Goes Orange (PGO) peringkat negeri edisi ke-11, yang akan mengetengahkan isu keganasan seksual dalam talian di kalangan belia. Kempen PGO selama 16 hari ini adalah sejajar dengan kempen antarabangsa iaitu "*16 days of activism against gender-based violence*".

Antara aktiviti utama yang bakal dijalankan adalah seperti berikut:-

- (i) Sebuah video berkenaan keganasan serta gangguan seksual dalam talian akan diterbitkan dan dilancarkan pada majlis pelancaran;
- (ii) Satu tinjauan peringkat negeri akan dijalankan dari bulan Julai hingga Ogos 2024 untuk mendapatkan data tentang pengalaman belia di Pulau Pinang berkenaan keganasan dan gangguan seksual dalam talian; dan
- (iii) Bengkel dan ceramah kesedaran tentang isu dan pencegahan keganasan serta gangguan seksual, baik atas talian atau luar talian, akan dianjurkan dengan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan, anak-anak syarikat negeri Pulau Pinang, badan-badan bukan kerajaan serta Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di peringkat sekolah dan komuniti.

Selain itu, komitmen padu pihak polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Pulau Pinang telah membuka siasatan untuk kesalahan jenayah siber melibatkan pemerasan video bogel / aksi lucah ini di bawah peruntukan Seksyen 384 Kanun Keseksan dan Sek 385 Kanun Keseksan. Tindakan kesan dan tangkap subjek-subjek yang terlibat dalam rangkaian sindiket telah dilaksanakan melibatkan pemilik-pemilik akaun bank yang diguna pakai oleh sindiket dalam membuat pemerasan terhadap mangsa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

12. Kemalangan jalan raya.

- (a) Apakah kadar kemalangan maut jalan raya di Pulau Pinang pada tahun 2019 sehingga 2024 di Pulau Pinang mengikut pecahan daerah?
- (b) Apakah jumlah kemalangan jalan raya di sepanjang Jalan Masjid Negeri yang dilaporkan pada tahun 2022, 2023 dan 2024?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), kadar kemalangan maut jalan raya di Pulau Pinang dari tahun 2019 sehingga 2024 mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	TAHUN					
	2019	2020	2021	2022	2023	2024
TIMUR LAUT	83	58	68	77	79	24
SPT	128	91	114	132	122	41
SPU	91	72	80	105	77	28
SPS	55	59	53	67	56	23
BARAT DAYA	43	23	31	32	35	14
JUMLAH	400	303	346	413	369	130

- (b) Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah kemalangan jalan raya di sepanjang Jalan Masjid Negeri yang dilaporkan pada tahun 2022, 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

JALAN	TAHUN		
	2022	2023	JANUARI - APRIL 2024
JALAN MASJID NEGERI	624	627	227

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

13. Apakah jenis kanser yang paling kerap dijumpai di Pulau Pinang untuk golongan lelaki dan wanita?
- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan risiko serta meningkatkan kesedaran kesihatan di kalangan penduduk?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Berdasarkan *Malaysia National Cancer Registry*, tahun 2012 sehingga 2016, *age-standardised incidence rates* (ASR) bagi lelaki adalah 86.1 dan 101.6 bagi wanita untuk setiap 100,000 populasi. Berbanding dengan data *Malaysia National Cancer Registry*, tahun 2007 sehingga 2011, ASR menurun 0.8 bagi lelaki tetapi meningkat 2.3 bagi wanita.

Kadar kanser populasi Negeri Pulau Pinang bagi golongan lelaki dan wanita adalah lebih tinggi dengan kadar kebangsaan. *Penang Cancer Registry Report*, tahun 2012 sehingga tahun 2016, ASR menunjukkan bahawa 121.1 bagi lelaki dan ASR 140.3 bagi wanita bagi setiap 100,000 populasi Negeri Pulau Pinang. Berbanding dengan data tahun 2007 sehingga tahun 2011, insiden kanser menunjukkan trend menurun, iaitu ASR 156.7 bagi lelaki dan 150.9 bagi wanita.

Berdasarkan *Penang Cancer Registry Report* tahun 2012 sehingga tahun 2016, antara kanser yang paling tinggi dikesan di Pulau Pinang untuk golongan lelaki ialah kanser kolorektel, diikuti oleh kanser paru-paru dan kanser *prostate*. Bagi golongan wanita di

Pulau Pinang pula adalah kanser payudara, diikuti oleh kanser kolorektel dan yang ketiga tertinggi ialah kanser paru-paru.

- (a) Kanser memberi impak yang besar kepada masyarakat dan sistem kesihatan. Tumpuan utama adalah ke arah pengurusan secara holistik yang merangkumi pencegahan utama, saringan, pengesanan awal, diagnosis, rawatan, pemulihan, penjagaan paliatif, perubatan tradisional dan komplementari, serta penyelidikan untuk mengurangkan kejadian kanser dan memastikan kualiti rawatan dan penjagaan yang terbaik. Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan risiko serta meningkatkan kesedaran awam berkaitan bahaya kanser adalah seperti:
 - (i) Program vaksinasi *Human Papiloma Virus* (HPV) untuk pencegahan kanser serviks.
 - (ii) Saringan *pap smear* untuk mengesan kanser serviks. Sejak 2019, saringan kanser serviks boleh disaring menggunakan pensampelan sendiri untuk ujian HPV.
 - (iii) Peningkatan perkhidmatan *Radioterapy* dengan adanya *CT scan*, *MRI* dan *angiography*.
 - (iv) Kini, terdapat 10 perkhidmatan *Breast & Endocrine Surgery* termasuk di Hospital Pulau Pinang.
 - (v) Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari membolehkan pesakit mengatasi rawatan kanser dengan meminimumkan kesan sampingan rawatan.
 - (vi) Kempen, pameran dan taklimat berkenaan kanser kerap dijalankan bagi meningkatkan kesedaran kanser di kalangan penduduk.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

14. Golongan gelandangan.

- (a) Perincikan jumlah gelandangan mengikut daerah bagi tahun 2022, 2023 dan 2024 (setakat ini).
- (b) Selain daripada pembinaan Pusat Transit Gelandangan, apakah perancangan-perancangan lain oleh pihak Kerajaan Negeri untuk membantu meningkatkan mutu hidup golongan gelandangan di seluruh negeri?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. (a) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai jumlah gelandangan yang sebenar kerana istilah gelandangan tidak diiktiraf dalam mana-mana akta yang wujud di Malaysia. Jabatan Kebajikan Masyarakat menggunakan istilah pengemis dan kutu rayau untuk merujuk kepada gelandangan. Oleh itu, pihak Jabatan hanya mempunyai jumlah pengemis dan kutu rayau yang dikongsikan di **LAMPIRAN A** bagi tahun 2022, 2023 dan 2024.
- (b) Pusat Transit Gelandangan berfungsi sebagai Pusat Sehent (OSC) bagi gelandangan yang dihantar oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Di pusat ini, pegawai-pegawai pengurusan melaksanakan tugas-tugas intervensi seperti membuat pemadanan di institusi yang berkenaan dan mendapatkan peluang pekerjaan bagi mereka yang layak.

Namun, sebagai inisiatif untuk meningkatkan mutu hidup golongan gelandangan, Pusat Transit Gelandangan juga menyediakan perkhidmatan perijodohan kerja, khidmat bimbingan, makanan dan minuman, tempat tinggal sementara, serta program kemahiran dan motivasi. Pendekatan menyeluruh ini diambil untuk membantu gelandangan mencapai kehidupan yang lebih baik dan bermakna apabila mereka kembali kepada komuniti.

LAMPIRAN A

Jumlah Pengemis dan Kutu Rayau Yang Diselamatkan JKMN Pulau Pinang Mengikut Daerah Bagi Tahun 2022, 2023 & 2024 (Sehingga Mac)

Daerah	2022	2023	2024
Barat Daya	26	25	28
Seberang Perai Selatan	3	6	2
Seberang Perai Tengah	34	67	39
Seberang Perai Utara	37	16	24
Timur Laut	163	213	33
Jumlah	263	327	126

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

15. Penipuan siber (*scam*).
- (a) Berikan statistik berapakah kes penipuan siber yang telah pun berlaku di Pulau Pinang untuk tahun 2022, 2023 dan 2024 mengikut pecahan daerah.
 - (b) Apakah jumlah wang yang ditipu daripada mangsa untuk tahun 2022, 2023 dan 2024?
 - (c) Apakah tindakan yang telah diambil untuk mencegah kegiatan ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. (a) Berdasarkan siasatan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang, statistik kes penipuan siber yang berlaku di Pulau Pinang bagi tahun 2022, 2023 dan 2024 mengikut pecahan kategori adalah seperti berikut :

KATEGORI		TAHUN		
		2022	2023	2024 (APRIL)
		KES	KES	KES
<i>Telecommunication Fraud</i>	<i>Phone Scam</i>	263	331	59
	Tipu Tawaran	114	257	148
	Tipu Penyamaran	266	264	60
<i>Love Scam</i>		52	134	21
<i>E-Financial Fraud</i>		93	73	14

KATEGORI	TAHUN		
	2022	2023	2024 (APRIL)
	KES	KES	KES
E-Dagang (Belian <i>Online</i>)	839	1,017	129
Pinjaman Tak Wujud	261	376	93
Tipu Pelaburan	277	462	124
Jumlah	2,165	2,914	648

- (b) Berdasarkan siasatan pihak PDRM Pulau Pinang, jumlah kerugian wang yang ditipu daripada mangsa bagi tahun 2022, 2023 dan 2024 adalah seperti berikut :

KATEGORI		TAHUN		
		2022	2023	2024 (APRIL)
		RM	RM	RM
<i>Telecommunication Fraud</i>	<i>Phone Scam</i>	13,261,035.05	20,823,400.43	4,983,610.20
	Tipu Tawaran	2,153,077.96	4,625,936.14	3,877,948.22
	Tipu Penyamaran	6,958,553.86	8,066,049.25	1,695,161.56
<i>Love Scam</i>		6,338,727.00	2,466,463.91	1,154,346.81
<i>E-Financial Fraud</i>		19,671,657.14	2,914,846.13	234,353.47
E-Dagang (Belian <i>Online</i>)		14,731,560.17	16,694,699.02	2,003,929.65
Pinjaman Tak Wujud		2,748,468.74	3,753,189.29	1,327,444.00
Tipu Pelaburan		13,085,002.55	39,352,347.57	24,170,144.32
Jumlah		78,948,082.47	98,696,931.74	39,446,938.23

- (c) Bagi mencegah kegiatan penipuan siber (*scam*), pihak PDRM Pulau Pinang telah mengambil tindakan seperti berikut:
- (i) Melaksanakan kempen-kempen pencegahan jenayah komersial kepada orang ramai melalui aktiviti sembang santai, *meet and greet*, ceramah-ceramah kepada orang awam dan jabatan-

jabatan kerajaan serta pameran-pameran jenayah komersial. Selain itu, hebahan-hebahan melalui media sosial turut diadakan misalnya melalui siaran di laman *Facebook* dalam *page* PDRM Pulau Pinang bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang jenayah siber. Sehingga April 2024, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil telah melaksanakan sebanyak 212 jumlah kempen pencegahan; dan

- (ii) Usaha sama antara PDRM bersama Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta institusi kewangan dan industri telekomunikasi telah mewujudkan *National Scam Response Centre* (NSRC) merupakan antara langkah yang telah diambil bagi menangani masalah jenayah siber dengan lebih pantas.

**MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

16. Perincian kes-kes keganasan rumah tangga pada tahun 2023 dan 2024 di Pulau Pinang mengikut:-
- (a) Jumlah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan mengikut pecahan daerah.
 - (b) Apakah pecahan mengikut jantina, umur, bangsa pelaku dan mangsa keganasan rumah tangga?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. (a) Perincian Kes Keganasan Rumah Tangga Bagi Tahun 2023 dan 2024 di negeri Pulau Pinang di bawah rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN A.**
- (b) Perincian Kes Keganasan Rumah Tangga Bagi Tahun 2023 dan 2024 di negeri Pulau Pinang di bawah rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengikut jantina, kumpulan umur dan bangsa pelaku dan mangsa adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

Jumlah Kes Keganasan Rumahtangga Yang Dilaporkan Bagi Tahun 2023 hingga April 2024 Mengikut Daerah

PECAHAN MENGIKUT DAERAH IPD	2023(JANUARI – DISEMBER)	2024(JANUARI – APRIL)
IPD TIMUR LAUT	151	68
IPD BARAT DAYA	70	26
IPD SEBERANG PERAI UTARA	62	40
IPD SEBERANG PERAI TENGAH	52	18
IPD SEBERANG PERAI SELATAN	32	25
JUMLAH	367	177

Jumlah Kes Keganasan Rumahtangga Yang Dilaporkan Bagi Tahun 2023 Hingga April 2024
Mengikut Jantina Pelaku Dan Mangsa

TAHUN	2023(JANUARI SEHINGGA DISEMBER)		2024(JANUARI SEHINGGA APRIL)	
JANTINA	MANGSA	SASPEK	MANGSA	SASPEK
WANITA	74	343	150	11
LELAKI	293	24	27	166
JUMLAH	367	367	177	177

Jumlah Kes Keganasan Rumahtangga Yang Dilaporkan Bagi Tahun 2023 Hingga April 2024
Mengikut Umur Pelaku Dan Mangsa

TAHUN	2023(JANUARI SEHINGGA DISEMBER)		2024(JANUARI SEHINGGA APRIL)	
UMUR	MANGSA	SASPEK	MANGSA	SASPEK
bawah 25 TAHUN	63	41	22	23
26 - 35 TAHUN	98	130	53	63
36 - 45 TAHUN	91	114	50	63
46 - 59 TAHUN	66	62	26	22
60 TAHUN & ke atas	49	20	26	6
JUMLAH	367	367	177	177

Jumlah Kes Keganasan Rumahtangga Yang Dilaporkan Bagi Tahun 2023 Hingga April 2024
Mengikut Bangsa Pelaku Dan Mangsa

TAHUN	2023(JANUARI SEHINGGA DISEMBER)		2024(JANUARI SEHINGGA APRIL)	
BANGSA	MANGSA	SASPEK	MANGSA	SASPEK
MELAYU	172	163	79	70
CINA	55	60	21	23
INDIA	117	121	65	65
LAIN-LAIN	23	23	12	19
JUMLAH	367	367	177	177

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

17. Perumahan tidak terjual.

- (a) Perincian mengikut daerah bagi projek-projek perumahan yang tidak terjual di Pulau Pinang.
- (b) Apakah langkah-langkah yang bakal diambil oleh kerajaan bagi memastikan tidak berlaku lambakan rumah-rumah yang tidak terjual?
- (c) Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk rumah-rumah tidak terjual tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Laporan berhubung perumahan yang tidak terjual direkodkan oleh Pusat Maklumat Hartanah Negara (*National Property Information Center* - NAPIC) di bawah Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan Malaysia dan seterusnya akan dikemukakan ke Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) secara sukuan tahun. Unit tidak terjual di Pulau Pinang merangkumi dua (2) kategori iaitu *overhang* yang merujuk pada unit siap dan tidak terjual melebihi sembilan (9) bulan dari tarikh memperoleh Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Compliance and Completion* - CCC) dan unit yang tidak terjual dalam pembinaan. Sehingga tarikh berakhir 31 Disember 2023, jumlah unit *overhang* di negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 3,001 unit dengan nilai keseluruhan sebanyak RM2.42 bilion. Manakala, jumlah unit tidak terjual dalam peringkat pembinaan di negeri Pulau Pinang pula adalah sebanyak 5,093 unit dengan nilai keseluruhan sebanyak

RM2.30 bilion. Perincian unit-unit tidak terjual berkenaan mengikut julat harga adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Perincian bagi unit tidak terjual mengikut daerah pula adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Merujuk **LAMPIRAN B**, Daerah Timur Laut mencatatkan jumlah unit tidak terjual tertinggi iaitu sebanyak 2,810 unit, diikuti Daerah Barat Daya (2,120 unit), Daerah Seberang Perai Selatan (1,856 unit), Daerah Seberang Perai Tengah (689 unit) dan Daerah Seberang Perai Utara (619 unit).

- (a) Antara faktor berlakunya lambakan unit tidak terjual ini adalah penurunan kadar permintaan perumahan akibat kelembapan ekonomi, pengangguran, sentimen pasaran yang lemah, kesukaran mendapatkan pembiayaan perumahan dan pertukaran pilihan perumahan. Bagi memastikan tidak berlakunya lambakan unit rumah yang tidak terjual di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Kempen Pemilikan Rumah atau *Home Ownership Campaign* (HOC) dan Dasar Rangsangan Sektor Hartanah Peringkat Negeri Pulau Pinang pada 10 Jun 2020. Kempen ini telah dilanjutkan sebanyak tiga (3) kali iaitu mulai 10 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2024. Kini, kempen ini dikenali sebagai *HOC 3.0 Plus* dengan pelanjutan beberapa insentif di bawah kempen tersebut antaranya seperti berikut:-
- (i) Pengurangan harga had siling bagi pembelian hartanah yang dibenarkan untuk warga asing dikurangkan seperti yang diperincikan di **LAMPIRAN C**;
 - (ii) Pengurangan *Fi Kelulusan (State Consent Fees)* sebanyak 50% secara menyeluruh seperti di **LAMPIRAN D**;
 - (iii) Pengurangan *Levi Pembelian Warga Asing (State Levy for Foreign Purchasers)* seperti di **LAMPIRAN E**; dan
 - (iv) *Jualan unit Rumah Mampu Milik (RMM)* ke pasaran terbuka ditingkatkan daripada 40% ke 50% dengan agihan kepada pengundi berdaftar di Pulau Pinang dan 25% kepada pengundi bukan berdaftar di Pulau Pinang.
- (b) Bagi RMM A dan B yang tidak terjual, Kerajaan Negeri akan terus menggiatkan usaha pembekalan nama pembeli. Selain itu, ia juga boleh dikaji untuk ditawarkan sebagai unit sewa beli

(*Rent to Own* - RTO). Berdasarkan senarai dan baki Projek RMM A dan B tersebut, ia dapat diselesaikan dalam tahun 2024 ini. Kerajaan Negeri juga sentiasa memantau prestasi penjualan hartanah mampu milik dengan meminta pihak pemaju untuk membentangkan langkah pemasaran bagi mengatasi isu unit tidak terjual. Usaha pemasaran tersebut termasuk menjemput pihak pemaju untuk menyertai Ekspo Rumah Mampu Milik dan Hartanah Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN A

Perincian Unit Tidak Terjual di Negeri Pulau Pinang Mengikut Julat Harga
Sehingga Tarikh Berakhir Pada 31 Disember 2024
(Sumber: Ringkasan Pasaran Hartanah Pulau Pinang Sukuan Keempat Tahun
2023, NAPIC)

Julat Harga (RM)	Jumlah Unit Tidak Terjual (<i>Overhang</i>)	Jumlah Unit Tidak Terjual Dalam Pembinaan
300,000 ke bawah	492	1,157
300,001 - 500,000	765	2,592
500,001 - 800,000	360	964
800,001 - 1,000,000	436	18
1,000,000 ke atas	948	362
JUMLAH	3,001	5,093

LAMPIRAN B

Perincian Unit-Unit Tidak Terjual Mengikut Daerah Sehingga Tarikh Berakhir
Pada 31 Disember 2023

(Sumber: Ringkasan Pasaran Hartanah Pulau Pinang Sukuan Keempat Tahun 2023,
NAPIC)

Daerah	Unit Tidak Terjual (Overhang)	Unit Tidak Terjual Dalam Pembinaan	Jumlah
Daerah Barat Daya	999	1,121	2,120
Daerah Timur Laut	1,254	1,556	2,810
Daerah Seberang Perai Utara	421	198	619
Daerah Seberang Perai Selatan	23	1,833	1,856
Daerah Seberang Perai Tengah	304	385	689
JUMLAH	3,001	5,093	8,094

LAMPIRAN C

Had Siling Semasa Dan Baharu Pembelian Hartanah Oleh Warga Asing

Jenis Hartanah	Lokasi	Had Siling Asal (RM)	Had Siling HOC (RM)
Hartanah Berstrata	Kawasan Pulau	1,000,000.00	700,000.00
	Kawasan Seberang Perai	500,000.00	400,000.00
Hartanah Landai	Kawasan Pulau	3,000,000.00	1,500,000.00
	Kawasan Seberang Perai	1,000,000.00	750,000.00

LAMPIRAN D

Kadar Semasa Dan Baharu Bagi Fi Kelulusan (*State Consent Fees*) Warga Asing Mengikut Jenis Permohonan

Jenis Permohonan	Kadar Semasa (RM)	Kadar Hoc (RM)
Permohonan untuk Kediaman	• 10,000.00 per plot (individu) • 20,000.00 per plot (syarikat) • 2,000.00 per plot (PR)	• 5,000.00 per plot (individu) • 10,000.00 per plot (syarikat) • 1,000.00 per plot (PR)
Permohonan untuk Perniagaan	• 20,000.00 per plot (individu) • 40,000.00 per plot (syarikat) • 4,000.00 per plot (PR)	• 10,000.00 per plot (individu) • 20,000.00 per plot (syarikat) • 2,000.00 per plot (PR)
Permohonan untuk Pertanian	• 20,000.00 per plot (individu) • 40,000.00 per plot (syarikat) • 4,000.00 per plot (PR)	• 10,000.00 per plot (individu) • 20,000.00 per plot (syarikat) • 2,000.00 per plot (PR)

LAMPIRAN E

Kadar Semasa dan Baharu bagi Levi Pembelian Warga Asing (*State Levy for Foreign Purchasers*)

Kadar Asal	Kadar Hoc
3% daripada nilai perolehan hartanah yang bernilai RM1.5 juta ke atas	Pengecualian 100% bagi sepanjang tempoh Kempen Pemilikan Rumah
1.5% daripada nilai perolehan hartanah berstrata bagi kawasan Pulau yang bernilai RM1.5 juta dan ke bawah	

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

18. Kejadian aktiviti letupan batu untuk projek Pakej 2 Jalan Air Itam Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.
- (a) Apakah tindakan susulan yang telah diambil selepas kejadian letupan batu yang mengakibatkan kerosakan di kawasan pangsapuri Jay Series?
 - (b) Bagaimana pihak Kerajaan Negeri memastikan agar kejadian ini tidak akan berlaku lagi?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. (a) Tindakan susulan yang telah diambil ialah mengeluarkan arahan segera agar kerja-kerja peletupan batu ditangguhkan sehingga pihak kontraktor benar-benar bersedia untuk memastikan bahawa segala arahan telah dipatuhi.

Bagi kerosakan yang berlaku ke atas Jay Series, pihak kontraktor telah menanggung semua kerugian akibat daripada kejadian tersebut. Kerugian keseluruhan termasuk kos baik pulih dan pampasan kepada penduduk adalah sekitar RM20,000.00. Berikut adalah senarai harta benda yang terlibat:-

- (i) Tujuh buah kereta mengalami kerosakan kecil (6 buah kereta telah dibaiki kecuali sebuah Toyota Vios masih belum kerana pemilik berada di luar negara);
- (ii) Zink bumbung ruang rehat telah berlubang seluas 150mm diameter telah dibaiki; dan

- (iii) Air kolam renang terkena percikan tanah merah dengan satu kepingan plate plastic yang tercabut telah dibaiki dan dibiayai oleh pihak kontraktor.
- (b) Arahan telah pun dikeluarkan kepada pihak kontraktor untuk mengambil tindakan seperti berikut:-
 - (i) Mengurangkan kedalaman *drilling* dan kuantiti bahan-bahan letupan daripada kadar biasa;
 - (ii) Memperluaskan perimeter letupan prosedur keselamatan yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Mineral dan Galian (JMG);
 - (iii) Membuat analisa lebih terperinci mengenai kemungkinan kewujudan *air pocket* sebelum kerja letupan dilaksanakan;
 - (iv) Melaksanakan *real time monitoring* sebelum dan selepas kerja-kerja letupan; dan
 - (v) Menggunakan *specialized blasting mat* untuk mengurangkan sebarang risiko di kawasan sekeliling.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

19. Kanak-Kanak tanpa hak kewarganegaraan.

- (a) Berapakah jumlah statistik kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Pulau Pinang?
- (b) Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Pulau Pinang, termasuk akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan.

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Kerajaan Negeri amat komited dalam menangani isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan. Perkara ini perlu ditangani segera kerana hak mereka untuk mendapatkan pendidikan, penjagaan kesihatan serta bekerja apabila dewasa kelak akan terkesan. Program Kewarganegaraan Pulau Pinang yang ditubuhkan sejak tahun 2013 telah membantu individu tanpa kerakyatan bagi mendapatkan status warganegara yang sah.

- (a) Kerajaan Negeri tiada data spesifik berkaitan statistik kanak-kanak tanpa kewarganegaraan di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, dari tahun 2013 hingga kini, Pejabat Program Kewarganegaraan Pulau Pinang (PKPP) telah menerima sebanyak 3,807 kes tiada kerakyatan Malaysia di negeri Pulau Pinang. Rekod ini adalah berdasarkan kepada tindakan penyelesaian di bawah Kerajaan Negeri yang direkodkan melalui PKPP sahaja, dan tidak termasuk dengan jumlah di bawah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Pulau Pinang.

Daripada kes tersebut, sebanyak 112 kes telah berjaya memperolehi sijil kewarganegaraan dan sebanyak 1,607 kes yang berkaitan dengan permohonan daftar lewat sijil kelahiran, daftar lewat kad pengenalan, permohonan permit masuk dan lain-lain telah berjaya dibantu serta diselesaikan oleh Program Kewarganegaraan Pulau Pinang.

- (b) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi isu kanak-kanak tanpa kewarganegaraan seperti berikut:
 - (i) Membantu individu yang tiada sijil kelahiran, kad pengenalan ataupun taraf pemastautin tetap mengemukakan permohonan secara sah dan lengkap di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
 - (ii) Membantu pemohon-pemohon membuat tindakan, carian dan panggilan susulan dengan Jabatan-jabatan yang berkaitan bagi mengetahui status permohonan kewarganegaraan Malaysia dan mempercepatkan pemprosesan;
 - (iii) Membantu individu yang tiada kerakyatan Malaysia yang dibawah umur 21 tahun untuk mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan;
 - (iv) Membantu pelajar-pelajar yang terpaksa memiliki pasport luar negara (mengikut taraf kewarganegaraan ibu kandung yang warga asing) menyelesaikan masalah Pas Pelajar dan juga masalah permohonan kemasukan sekolah Kerajaan bagi murid-murid yang bukan warganegara di bawah PERKARA 15 (A);
 - (v) Membantu pelajar-pelajar yang bukan warganegara (bapa warganegara Malaysia dan ibunya warga asing) melanjutkan pas pelajar di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
 - (vi) Memberi taklimat kepada orang awam terutama bagi golongan yang pemegang kad pengenalan pemastautin tetap (MyPR), kad pengenalan pemastautin sementara (MyKAS) dan individu yang tiada kerakyatan Malaysia

- (*Stateless*) supaya mereka faham syarat-syarat permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia;
- (vii) Menganjurkan karnival-karnival yang berkaitan dengan kewarganegaraan dengan bantuan agensi-agensi kerajaan dari Jabatan Pendaftaran, Jabatan Imigresen, Jabatan Kebajikan dan lain-lain;
 - (viii) Membantu menyelesaikan masalah anak angkat yang tiada kerakyatan Malaysia.

Secara kesimpulannya, PKPP sentiasa prihatin terhadap kanak-kanak tanpa kewarganegaraan dan berusaha membantu mereka memperoleh sijil kewarganegaraan agar mereka dapat akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

20. Masalah obesiti.

- (a) Nyatakan statistik terkini mengenai kadar obesiti di negeri ini, minta pecahan mengikut golongan jantina (gender) dan umur.
- (b) Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan masalah obesiti di kalangan penduduk?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. (a) Tinjauan Morbiditi Kebangsaan (*National Morbidity Health Survey, NHMS*) Tahun 2019 melaporkan dalam kalangan orang dewasa (berumur 18 tahun dan ke atas) di negeri Pulau Pinang sebanyak 31.6% mengalami berlebihan berat badan (BMI 25.0 - < 30 kg/m²) dan sebanyak 18.6% mengalami obesiti (BMI ≥ 30 kg/m²). Walau bagaimanapun tiada pelaporan data prevalen obesiti mengikut ciri demografi bagi negeri Pulau Pinang. NHMS 2019 hanya melaporkan pecahan prevalen obesiti mengikut ciri demografi bagi orang dewasa di Malaysia. Sebanyak 19.7% orang dewasa Malaysia (berumur 18 tahun dan ke atas) mengalami obesiti. Berikut adalah pecahan mengikut ciri demografi masalah obesiti:
- (i) Lokasi
 - Bandar 19.7%
 - Luar Bandar 19.8%

(ii) Jantina

- Lelaki 15.3%
- Wanita 24.7%

(iii) Etnik

- Melayu 22.7%
- Cina 13%
- India 29.3%
- Bumiputra Sabah 19.5%
- Bumiputra Sarawak 20.8%
- Lain-lain 13%

(iv) Umur

- 18 -19 tahun 16.2%
- 20 -29 tahun 31.8%
- 30 -39 tahun 47.4%
- 40 – 49 tahun 43.8%
- 50 – 59 tahun 44%
- 60 – 69 tahun 38.6%
- 70 tahun & ke atas 22%

(b) Bagi mengurangi dan mengekang peningkatan masalah obesiti, pelbagai program kesihatan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan setiap lapisan masyarakat mempunyai kesedaran dan menjalankan perubahan tingkah laku dan gaya hidup yang lebih sihat. Antara program dan aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) Program Intervensi Pengurusan Berat Badan (PBB) seperti Program Trim & Fit, PBB KOSPEN dan PSMART FIT. Program-program dijalankan mengikut modul pengurusan berat badan yang bertempat seperti di tempat kerja, sekolah, klinik Kesihatan dan Wellness Hub;
- (ii) Program Pemerkasaan PIBG/PIBKS Menangani Masalah Obesiti di Sekolah. Melatih PIBG/PIBKS sebagai Jurulatih Utama (JU) bagi melaksanakan aktiviti

pemakanan sihat untuk menangani masalah obesiti dikalangan pelajar sekolah;

- (iii) Perkhidmatan Wellness Hub di Klinik Kesihatan disediakan kepada individu bagi menjalankan saringan kesihatan seterusnya mengikuti program pengurusan berat badan;
- (iv) Perkhidmatan Runding Cara Pemakanan bagi individu yang mengalami masalah berat badan;
- (v) Jelajah Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang memberi advokasi dan nasihat mengenai gaya hidup sihat kepada masyarakat;
- (vi) Program HER (*Healthy Eating Responsibility for Women*) yang memfokuskan berkaitan pemakanan bagi golongan wanita;
- (vii) Kempen Kurangkan Pengambilan Gula yang menekankan kepentingan mengurangkan pengambilan makanan dan minuman yang manis;
- (viii) Advokasi pemakanan sihat melalui Panduan Diet Malaysia 2020 yang mendidik dan menekankan mesej utama tentang amalan makan secara sihat; dan
- (ix) Advokasi pemakanan sihat dan cara hidup sihat kepada masyarakat melalui pelbagai platform seperti program kesihatan, ceramah, dan lain-lain.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

21. Apakah langkah-langkah yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menggiatkan penglibatan warga emas yang sihat dan aktif dalam tenaga kerja?

(a) Bilakah langkah-langkah tersebut akan dilaksanakan?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah mula mengambil beberapa langkah untuk menggiatkan penglibatan warga emas yang sihat dan aktif dalam tenaga kerja. Antaranya ialah Pelan Tindakan Bandar Mesra Usia: Penang Island oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang akan dimuktamadkan pada Jun 2024.

Pelan ini berteraskan lapan (8) domain yang telah ditetapkan oleh World Health Organisation (WHO), untuk merangka program-program yang melibatkan Age Friendly City demi mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penuaan aktif dan sihat. Bagi menggalakkan penglibatan warga emas yang sihat dan aktif dalam tenaga kerja, ianya selari dengan domain “penglibatan sivik dan peluang pekerjaan” dalam usaha meningkatkan peluang pekerjaan.

Aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan bagi menepati objektif di atas adalah seperti berikut:

- (i) Program pembersihan tandas awam;
- (ii) Kontrak komuniti pembersihan ruang awam;

- (iii) “Inisiatif Operator Perkhidmatan” (IKHSAN) - sebuah inisiatif Kementerian Ekonomi dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan; dan
- (iv) Penglibatan warga emas yang sihat & aktif dalam kerja amal seperti program Sukarelawan Mutiara yang bakal dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Melalui projek-projek ini, Kerajaan Negeri dapat menyediakan peluang untuk pendapatan tambahan yang bukan sahaja membawa manfaat kepada warga tua dari segi kewangan, tetapi juga secara fizikal, mental, dan emosi.

Inisiatif di atas sedang dijalankan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

22. Kadar kelahiran bayi di Pulau Pinang.

- (a) Apakah kadar kelahiran bayi untuk tahun 2019 sehingga 2024?
- (b) Apakah pecahan mengikut bangsa dan jantina? Nyatakan secara terperinci.
- (c) Bandingkan kadar kelahiran bayi di Pulau Pinang dengan negeri-negeri lain.

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Memandangkan data daripada Jabatan Pendaftaran Negara masih belum diperoleh, data berikut adalah daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Setakat ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hanya menerbitkan kadar kelahiran di Pulau Pinang sehingga tahun 2022.

- (a) Pecahan mengikut jumlah kadar kelahiran hidup bayi di Pulau Pinang:

Tahun	Kelahiran Hidup	Kadar Kelahiran Kasar*
2019	20,200	11.4
2020	19,645	11.3
2021	18,571	10.7
2022	17,731	10.2

- (b) Pecahan kelahiran hidup bayi di Pulau Pinang mengikut bangsa dan jantina yang diperolehi hanya bagi tahun 2022 sahaja:

Bangsa	Lelaki	Perempuan
Melayu	5,800	5,453
Cina	1,973	1,958
India	734	740
Bumiputera Lain	54	44
Lain-Lain	508	467
Jumlah	9,069	8,662
Jumlah Besar	17,731	

- (c) Perbandingan kadar kelahiran kasar bayi* di Pulau Pinang dengan negeri-negeri lain bagi tahun 2019 hingga 2022 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

*Kadar adalah bagi setiap 1,000 kelahiran hidup

LAMPIRAN A

Perbandingan kadar kelahiran kasar bayi* di Pulau Pinang dengan negeri-negeri lain bagi tahun 2019 hingga 2022.

Negeri	2019	2020	2021	2022
Pulau Pinang	11.4	11.3	10.7	10.2
Johor	16.0	14.2	12.4	12.0
Kedah	15.9	15.9	15.4	14.2
Kelantan	19.6	20.2	19.2	18.5
Melaka	15.2	13.9	13.1	13.0
Negeri Sembilan	15.5	14.3	13.9	13.2
Pahang	15.5	15.9	15.3	14.6
Perak	13.2	12.7	12.2	11.7
Perlis	16.0	14.4	14.2	12.9
Sabah	13.6	14.5	12.2	12.8
Sarawak	13.1	14.4	12.7	12.5
Selangor	15.2	13.4	12.8	11.9
Terengganu	21.8	23.6	22.5	21.3
WPKL	13.4	11.7	10.7	10.1
Labuan	16.9	18.0	15.9	14.2
Putrajaya	22.3	19.6	18.3	15.7

* Kadar adalah bagi setiap 1,000 kelahiran hidup

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

23. Kadar pengangguran di Pulau Pinang.

- (a) Apakah kadar pengangguran sekarang berbanding dengan tahun 2022 dan 2023?
- (b) Apakah faktor yang menyebabkan masalah ini?
- (c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi isu pengangguran?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. (a) Kadar pengangguran di negeri Pulau Pinang menurun kepada 1.8% pada suku pertama tahun 2024 daripada kadar yang dicatatkan pada suku pertama tahun 2023 dan 2022 iaitu masing-masing 2.3% dan 3.3%. Perincian butiran bilangan dan kadar pengangguran di negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Polemik tentang pengangguran terutamanya dalam kalangan belia semakin meningkat dari tahun ke tahun. Revolusi industri yang bertujuan untuk mengautomasikan sektor pembinaan dan industri lain telah menjejaskan kebergantungan terhadap tenaga kerja manusia. Oleh itu, isu pengangguran bukan sahaja merunsingkan golongan siswazah tetapi ia secara langsung melibatkan golongan pekerja yang terkesan daripada perkembangan teknologi pada hari ini.

- (c) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi isu pengangguran di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi kerjaya melalui *outreach programme* bersama institusi pengajian tinggi awam dan swasta bagi memberi kesedaran kepada para pelajar dan pencari kerja di Malaysia, khususnya di Pulau Pinang tentang peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di negeri ini.
 - (ii) Menubuhkan sekretariat kepada program subsidi latihan industri iaitu *Penang Internship Subsidy Programme* (PISP) yang bertujuan sebagai salah satu peluang kepada pelajar di Malaysia dan seterusnya menarik bakat-bakat bagi mengikuti program latihan industri di syarikat-syarikat yang berkeelayakan untuk program ini dengan ditawarkan kadar elaun bulanan yang menarik.
 - (iii) Menubuhkan sekretariat kepada program biasiswa *Penang Future Foundation* (PFF) yang merupakan program biasiswa yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada rakyat Malaysia yang majoritinya adalah anak Pulau Pinang yang cemerlang dan layak untuk melanjutkan pengajian mereka di Malaysia. Ini adalah salah satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hub bakat. Permohonan biasiswa PFF ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak tanpa mengira kaum, agama dan jantina. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan kepada belia yang cemerlang dan layak tertakluk kepada terma dan syarat. Setelah berjaya menamatkan pengajian sarjana yang ditaja, pemegang biasiswa dikehendaki bekerja di Pulau Pinang dalam organisasi pilihan mereka, sama ada di sektor awam atau swasta.

- (iv) Jangkauan kepada agensi-agensi pekerjaan lain secara proaktif bagi memahami peluang-peluang pekerjaan yang aktif untuk dipanjangkan perkongsiannya kepada pencari kerja melalui laman sesawang serta media sosial *Facebook* Pusat Career Assistance and Talent (CAT).
- (v) Kerjasama dengan *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA) dalam mempromosikan program-program yang memberi manfaat melalui saluran komunikasi sedia ada seperti laman sesawang InvestPenang, Pusat CAT serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan.
- (vi) Kerjasama dengan TalentCorp dalam mempromosikan program *MyNext*, *Career Comeback* dan sebagainya melalui Facebook Pusat CAT serta menyalurkan inkuiri daripada golongan yang disasarkan terus kepada pihak yang berkaitan bagi membantu mengisi kekosongan yang ada.
- (vii) Kerjasama dengan PERKESO dalam membantu pencari kerja melalui program-program yang ditawarkan oleh mereka (latihan, kaunseling, insentif kewangan & lain-lain).
- (viii) Kerajaan Negeri melalui *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) telah membangunkan portal kerjaya *We Want You*. Portal kerjaya *We Want You* berfungsi sebagai sebuah laman sesawang yang menyediakan platform untuk golongan majikan mengiklankan peluang pekerjaan, latihan industri atau *internship* dan *freelancing* secara percuma buat golongan belia yang mencari pekerjaan.
- (ix) Pelaksanaan Program *Digital Coach Scheme* dan *Digital Promoter Scheme* yang bertujuan untuk memberi peluang pekerjaan separuh masa kepada golongan yang memerlukannya. *Digital Coach Scheme* merupakan program memberi pengetahuan kepada golongan yang kurang berkemahiran dalam penggunaan teknologi digital terutamanya warga emas

dan penduduk desa. *Digital Promoter Scheme* pula merupakan program menggalakkan penggunaan *e-wallet* oleh pengguna dan peniaga dalam menyokong usaha transaksi tanpa tunai.

Dengan pelbagai pelan perancangan seperti yang dinyatakan di atas, peluang pekerjaan bagi industri-industri di Pulau Pinang secara langsung akan membuka peluang yang luas kepada warga Pulau Pinang bagi memenuhi kekosongan yang ditawarkan.

LAMPIRAN A

KADAR PERATUSAN PENGANGGURAN NEGERI PULAU PINANG 2022 – 2024 (PERBANDINGAN SUKU TAHUN PERTAMA)

Berikut merupakan kadar peratusan pengangguran untuk suku tahun pertama di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2022 sehingga 2024:

Tahun	Kadar Pengangguran (%)
2022	3.3
2023	2.3
2024	1.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

24. Institusi-institusi pendidikan antarabangsa di Pulau Pinang.
- (a) Berapakah jumlah institusi-institusi pendidikan antarabangsa di Pulau Pinang mengikut daerah?
 - (b) Apakah usaha oleh Kerajaan Negeri untuk menarik institusi-institusi pendidikan antarabangsa ke Pulau Pinang? Di manakah institusi-institusi tersebut akan dibina?
 - (c) Apakah nilai tambah yang bakal dibawa oleh institusi-institusi ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. (a) Terdapat satu (1) Institut Pendidikan Antarabangsa iaitu *Stonyhurst International School Penang* yang dibangunkan di atas tanah milikan CMI.
- (b) Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penubuhan Institusi Pendidikan Antarabangsa di Pulau Pinang dengan menyediakan kemudahan dari segi tanah yang bersesuaian. Antara sekolah antarabangsa di bawah CMI adalah *Stonyhurst International School Penang* yang dibangunkan atas tanah CMI yang berkeluasan 4.3 ekar di Lot 10008 (lot lama Lot 705), Bandar Tanjong Pinang, Seksyen 1, DTL. Sekolah ini telah mula beroperasi pada September 2022. Kini, terdapat seramai 650 pelajar dan 60% adalah pelajar dari luar negara.

- (c) Nilai kewangan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri melalui *Stonyhurst International School Penang* adalah RM50 juta iaitu sebagai bayaran pajakan tanah bagi tempoh 30+30 tahun. Selain daripada nilai kewangan, *Stonyhurst International School Penang* memberi peluang kepada pelajar tempatan untuk mempelajari silibus bertaraf antarabangsa. Sekolah ini juga menyediakan biasiswa kepada pelajar tempatan. Selain itu, *Stonyhurst International School Penang* juga menyediakan peluang pekerjaan kepada warga tempatan. Penjanaaan ekonomi melalui penyewaan rumah-rumah untuk tenaga pengajar dan juga untuk pelajar antarabangsa.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

25. Isu Kampung Buah Pala.

- (a) Berikan latar belakang tentang projek ini.
- (b) Apakah status geran tanah (title) untuk kawasan ini?
- (c) Penduduk menghadapi masalah kutipan penyelenggaraan dan diminta untuk mewujudkan badan pengurusan tetapi tidak mendapat kerjasama oleh sesetengah penduduk. Apakah tindakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

25. (a) Kampung Buah Pala merupakan penempatan semula setinggan di atas tanah milik yang terlibat dengan projek pembangunan swasta yang diberikan 24 buah rumah ganti secara percuma. Penduduk yang terlibat telah menerima unit gantian yang merupakan rumah teres dua (2) tingkat di atas Lot 10013, Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut yang dibangunkan secara pemajuan strata bertanah (landed strata).
- (b) Kampung Buah Pala yang terletak di Lot 10013, Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut ini adalah berstatus Pajak Negeri dengan tempoh pegangan 99 tahun.
- (c) Pihak pemilik petak mengalami masalah kutipan caj penyelenggaraan berikutan pihak pemaju tidak pernah menubuhkan Perbadanan Pengurusan Taman Buah Pala dan kawasan pemajuan ini dibangunkan tidak dilengkapi dengan

ciri-ciri pemajuan strata bertanah. Kawasan harta bersama bagi Taman Buah Pala ini hanyalah melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan jalan dalaman, longkang dan lampu jalan. Pihak Pesuruhjaya Bangunan (COB) telah melantik seorang pemilik petak pada 02 Mei 2024 bagi memanggil Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Penubuhan Perbadanan Pengurusan Taman Buah Pala dan pemilik petak tersebut dalam proses memanggil AGM berdasarkan prosedur Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

26. Panel solar.

- (a) Berapakah bilangan tiang lampu jalan solar di Pulau Pinang (MBPP dan MBSP) dan adakah ia membantu mengurangkan beban bil elektrik MBPP?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memasang panel solar di bangunan-bangunan kerajaan sedia ada untuk mengurangkan kos elektrik serta menuju ke arah lebih hijau?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. (a) Bilangan tiang lampu jalan solar di Pulau Pinang adalah sebanyak 479 unit dengan pecahan sebanyak 411 unit bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 68 unit bagi kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Kesemua lampu solar ini menggunakan 100% tenaga boleh diperbaharui. Melalui pemasangan tiang lampu jalan solar ini, anggaran penjimatan bil elektrik oleh MBPP adalah sebanyak RM82,466.24 setahun dan perincian adalah seperti berikut:

PENGIRAAN ANGGARAN PENJIMATAN BIL. ELEKTRIK OLEH MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)		
Bil.	Perkara	Pengiraan
1	Tariff B Perdagangan	RM0.509/kWh
2	Satu (1) unit lampu solar	90W
3	Penjimatan satu (1) unit lampu sehari	90W x 12 Jam = 1.08kWh
4	Jumlah lampu solar MBPP adalah 411 unit	
5	Penjimatan 411 unit lampu solar sehari	1.08kWh x 411 = 443.88kWh
6	Penjimatan 411 unit lampu solar setahun	443.88kWh x 365 hari =162,016.2kWh
7	Penjimatan dalam RM bagi setahun	162,016.2kWh x RM0.509 =RM82,466.24/setahun

- (b) Hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Hijau dan Pintar, pembangunan Bandar Pintar adalah menjadi faktor utama selaras dengan Visi Penang2030: *A Family-Focused, Green & Smart State that inspires the Nation*. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan setiap inisiatif yang ingin dilaksanakan mengambil kira keperluan semua lapisan masyarakat serta jurang pengetahuan digital dengan menyediakan fungsi-fungsi pintar mesra pengguna, mudah digunakan serta memberi manfaat yang maksimum. Pulau Pinang juga sentiasa mengiktiraf keperluan untuk menjadi bandar rendah karbon melalui dasar-dasar seperti Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan dan Visi Penang2030. Agenda negeri hijau sebenarnya bermula sejak tahun 2010 lagi dengan pelaksanaan Dasar *Cleaner, Greener Penang*.

Selain itu, pelbagai usaha juga telah dilakukan oleh jabatan dan agensi Kerajaan Negeri untuk menyokong pelaksanaan Visi Penang2030. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah melalui pemasangan panel solar di bangunan kerajaan seperti di enam (6) buah bangunan milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan empat (4) buah bangunan milik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Inisiatif ini merupakan cara terbaik untuk mengurangkan jejak karbon dan pencemaran alam sekitar tanpa melibatkan sebarang pelepasan gas rumah hijau kerana pemasangan panel solar ini dapat mengurangkan pelepasan karbon. Terbaharu, Kerajaan Negeri juga dalam proses melaksanakan pemasangan panel solar di empat (4) buah Pejabat Daerah dan Tanah seperti berikut:

- (i) Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya;
- (ii) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara;
- (iii) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah; dan
- (iv) Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(XVII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

27. Pulau Pinang tersohor sebagai destinasi pelaburan sektor pembuatan. Namun, masalah penginapan untuk warga asing dalam sektor tersebut telah pun menjadi isu majikan memandangkan asrama sedia ada yang terhad. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah ini?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan negeri telah menyediakan beberapa garis panduan bagi mengatasi masalah penginapan untuk warga asing dalam sektor pembuatan khususnya seperti berikut:
- (i) Garis Panduan Perancangan Tukarguna Bangunan Industri Bagi Tujuan Penginapan Pekerja Untuk Tempoh Sementara di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (diluluskan oleh Majlis Penuh kali ke-561 Bil. 3/2021 pada 26 Mac 2021);
 - (ii) Garis Panduan Perancangan Tukarguna Bangunan Perniagaan Bagi Tujuan Penginapan Pekerja Untuk Tempoh Sementara di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai (diluluskan Majlis Penuh kali ke-561 Bil. 3/2021 pada 26 Mac 2021);

- (iii) Garis Panduan Perancangan Pembinaan Penginapan Pekerja Negeri Pulau Pinang 2022 yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 4/2022 pada 28 April 2022 bagi pembangunan Penginapan Pekerja Berpusat (*Centralized Labour Quarters* – CLQ); dan
- (iv) Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Sementara (*Temporary Labour Quarters* – TLQ) Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Pulau Pinang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.33/2023 pada 20 Disember 2023 bagi pembangunan Penginapan Pekerja Sementara (*Temporary Labour Quarters* – TLQ) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2024.

Garis panduan yang disediakan ini akan memastikan permintaan semasa penginapan pekerja dapat dipenuhi untuk jangka masa pendek (TLQ) dan panjang (CLQ) serta ia dapat mampu untuk mengatasi sebarang kesan negatif daripada penempatan warga asing dalam komuniti serta menjaga keselamatan kawasan sekitar.